JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

MADINAH YANG DIRINDUI

Tarikh Dibaca :

5 JAMADIL AWAL 1443H/
10 DISEMBER 2021M

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MADINAH YANG DIRINDUI

5 JAMADIL AWAL 1443H / 10 DISEMBER 2021

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَآئِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيم﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ٨

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ وَصَفِيُّهُ وَحَبِيْبُهُ مَنْ بَعَثَهُ اللهُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِيْنَ هَادِيًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَّغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى الأَمَانَةَ وَنَصَحَ الأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللهِ حَقَّ جِهَادِهِ فَجَزَاهُ اللهُ عَنَّا خَيْرَ مَا جَزَى نَبِيًّا مِنْ أَنْبِيَائِهِ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اتَّقُوا اللهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُوْنَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: **"Madinah Yang Dirindui"**.

Marilah kita terus berdisiplin melakukan kawalan kendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Saya juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Rebutlah peluang melaksanakan amal kebajikan sebanyak-banyaknya untuk kita mendapatkan keampunan dan ganjaran daripada Allah SWT. Firman Allah SWT:

۞وَسَارِعُوٓاْ إِلَىٰ مَغۡفِرَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ وَجَنَّةٍ عَرۡضُهَا ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ أُعِدَّتۡ لِلۡمُتَّقِينَ ١٣٣

Mafhumnya: *"Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa;".* **(Surah ali Imraan ayat 133)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT **kerana pentadbiran negara atas semangat Keluarga Malaysia sudah mencecah 100 hari.** Sudah pasti, sebuah negara yang makmur datang daripada urus tadbir yang baik. Istilah *Good Governance* atau urus tadbir mula diperkenalkan oleh Bank Dunia dalam institusi kewangan dan korporat. Sejak dari itu, istilah ini mula berkembang dan diguna pakai pula dalam pentadbiran negara. Dari perspektif Islam, urus tadbir yang baik telah lama diterangkan dalam al-Quran dan ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sepertimana ketika baginda membangunkan negara Islam Madinah serta membentuk masyarakatnya menjadi model negara dan masyarakat yang dinamik.

Urus tadbir Baginda yang cekap dan dinamik terbukti membawa kesejahteraan kepada masyarakat dan negara kerana **keadilan ditegakkan**, **kebajikan dipenuhi**, **keamanan dinikmati** dan **kemajuan dikecapi**. Baginda SAW juga turun ke lapangan untuk membuat pemantauan seperti di pasar-pasar bagi memastikan kesemua aspek pentadbiran dijalankan secara adil. Sifat Rasulullah SAW yang prihatin dan menghayati kesusahan rakyat telah dipraktikkan pula oleh para pemimpin Islam seperti Saidina Umar RA.

Dinukilkan dalam Kitab *Siraj al-Muluk*, menurut Saidina Anas bin Malik RA, ketika zaman pemerintahan Saidina Umar, berlaku kenaikan harga barang secara mendadak,

sehinggakan Saidina Umar membeli roti yang biasa dibeli oleh rakyat bagi sama-sama menghayati kesusahan mereka. Kata Anas; “Harga barang telah menjadi mahal ketika zaman pemerintahan Umar bin al-Khattab. Lalu Umar hanya memakan roti yang diperbuat dari gandum gred rendah. Sebelum itu, beliau tidak pernah makan makanan sedemikian sehingga menyebabkan perutnya sendiri berbunyi, lalu beliau memukul perutnya dengan tangannya dan berkata: “Demi Allah! Ini semua adalah seperti yang kamu lihat. Mudah-mudahan Allah melapangkan urusan kaum Muslimin”.

Kita juga boleh mengambil pengajaran dari **kepemimpinan Nabi Sulaiman AS** yang begitu prihatin terhadap seluruh rakyat di bawah pentadbirannya yang bukan hanya terdiri dari kalangan manusia, malah termasuk juga dari kalangan jin dan haiwan. Tidak ada satu manusia, jin atau haiwan pun yang terlepas dari pemerhatian Baginda AS. Kesemuanya diberi perhatian walau seekor semut sekalipun.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Krisis pandemik COVID-19 yang berlaku telah merubah sistem pertadbiran negara dan merencatkan pembangunan ekonomi dan sosio masyarakat. Banyak syarikat terpaksa “gulung tikar”, sektor ekonomi yang tidak menentu dan manipulasi harga barang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Struktur tadbir urus lemah boleh mendedahkan negara kepada krisis lebih besar, merentasi krisis kesihatan akibat COVID-19 itu sendiri. Jika tiada ketelusan, integriti dan pematuhan undang-undang, ia akan membawa lebih banyak keburukan dalam jangka panjang.

Al-Quran telah memberi panduan kepada kita dalam urus tadbir negara yang baik dalam berdepan dengan krisis. Ketika Mesir akan berdepan dengan krisis, Nabi Yusuf AS telah menawarkan satu pakej menyelamatkan negara Mesir sebagaimana yang Allah nyatakan dalam surah Yusuf ayat 47 hingga 49 yang bermaksud :

Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan

benih). "Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)".

Ini antara contoh daripada contoh-contoh yang kaya dalam al-Quran dan hadis untuk dijadikan rujukan dalam urus tadbir yang baik.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam negara berdepan dengan krisis kesihatan, **krisis sosial umat semakin hari semakin parah.** Dahulu, perkataan "pondan" sudah dipandang jijik oleh masyarakat namun sejak akhir-akhir ini, budaya songsang ini semakin menjadi-jadi dengan jenama baharu iaitu LGBT. Ia semakin parah apabila dipaparkan secara terbuka di TV, surat khabar, poster-poster dan media sosial hingga perbuatan hitam ini hendak diputihkan dengan pelbagai tafsiran dan slogan. Apa nak jadi dengan masyarakat kita? Tidak cukupkah pengajaran daripada azab yang Allah ditimpakan kepada kaum Nabi Lut akibat dari perbuatan mereka?

Allah SWT berfirman:

فَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَٰلِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ مَّنضُودٍ ٨٢
مُّسَوَّمَةً عِندَ رَبِّكَ ۖ وَمَا هِىَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ بِبَعِيدٍ ٨٣

Maksudnya: *"Maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada di muka buminya) dan kami menghujaninya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menimpanya bertalu-talu. Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu (untuk membinasakan mereka), dan Ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim itu".*

Oleh itu para jemaah sekalian, marilah sama-sama kita menjadi masyarakat prihatin untuk saling menasihati antara satu sama lain dan menjaga ahli keluarga kita supaya tidak terjerumus dalam apa jua perbuatan yang boleh merosakkan akidah dan akhlak. Kita sedar, usaha untuk menjadikan negara kita sebuah negara *"Baldatun Toyyibah"*, negara yang baik dan mendapat keampunan Allah perlu digalas oleh semua pihak, dan tidak akan

berjaya selama-lamanya jika satu pihak membangunkannya dan satu pihak lain meruntuhkannya.

Mengakhiri khutbah hari ini, khatib ingin merumuskan khutbah kepada beberapa intipati:
Pertama: Urus tadbir yang baik penting untuk memastikan sistem pentadbiran negara berjalan dengan baik khususnya dalam berdepan situasi tidak menentu seperti COVID.
Kedua: Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh keteladanan dalam tadbir urus dinamik yang menjadi panduan kepada para *khulafa' al-rasyidin* dan generasi seterusnya.
Ketiga: Isu-isu sosial seperti LGBT menjadi duri dalam daging yang akan merosakkan pembangunan negara khususnya dalam aspek ketamadunan manusia.

Renungilah firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا۟

فَأَخَذْنَٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ٩٦

Maksudnya: *"Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan".*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ٥٦

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكَنَا كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بكيندا يڠ دڤرتوان اكوڠ، السُلطَان عبد الله رِعَايَةُ الدِّيْنِ الـمُصْطَفَى بِاللهِ شاه ابن المرحوم سُلْطَان حاج أحمد شاه الـمُسْتَعِيْنِ بِاللهِ.

وَكَذلِكَ كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بكيندا راج ڤرمايسوري اكوڠ، تونكو حاجه عزيزه أمينه ميمونه إسكندريه بنت الـمرحوم الـمُتَوَكِّلْ عَلَى اللهِ سُلْطَان إسكندر الحَاج.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِناً مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ،

۞إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.